

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1986/87

RGW 453 - Kontrak dan Undang-Undang Bangunan

Tarikh: 23 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.

(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian A dan B.

Gunakan Buku Jawapan yang BERASINGAN bagi setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan.

1. Terangkan perkara-perkara berikut dengan memberi contoh dari segi pembangunan:-

- (a) Undang-Undang Bertulis
- (b) Undang-Undang Tidak Bertulis
- (c) Akta
- (d) Enakmen
- (e) Undang-Undang Kecil (seragam) Bangunan

(25 markah)

2. (a) Malaysia mengamalkan sistem kerajaan berparlimen dengan perlembagaan yang bertulis. Secara ringkas,uraikan bagaimakah kuasa diasingkan mengikut Perlembagaan kita.

(10 markah)

(b) Huraikan komponen-komponen di dalam Sistem Kawalan Bangunan.

(15 markah)

3. (a) Mengapakah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 penting untuk kawalan pembinaan? Bincangkan.

(15 markah)

- (b) Sekiranya Akta Jalan, Parit dan Bangunan penting untuk pembinaan, apakah perundangan yang penting untuk perancangan dan pembangunan di negara kita? Huraikan.

(10 markah)

BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan.

4. Bincangkan dengan ringkas apakah yang anda faham dengan perkara-perkara berikut:-

- (a) 'Setting out'
- (b) 'Variation' (Perubahan pada kontrak)
- (c) 'Defect Liability Period' (Masa tanggungan kecacatan)
- (d) Sijil tamat kerja
- (e) 'Liquidated and Ascertained Damages'
(Denda gantirugi)

(25 markah)

5. (a) Seorang kontraktor boleh memohon masa tambahan dari tarikh siap yang telah dipersetujui. Ini adalah terhad kepada beberapa sebab tertentu sahaja.

Berikan LIMA contoh seorang kontraktor boleh mendapatkan tambahan masa kontrak.

(10 markah)

...3/-

(b) Apakah tindakan anda, sebagai Arkitek tentang perkara-perkara berikut berpandukan 'Agreement and Schedule of Conditions of Building Contract'?

- (i) Pihak pembekal membuat aduan bahawa bil-bil mereka tidak dijelaskan oleh kontraktor utama.
- (ii) Kontraktor akan mengenakan faedah pada majikan di atas jumlah tuntutan bayaran kemajuan yang terlewat.
- (iii) Kenaikan harga genting bumbung sebanyak 5% kontraktor meminta penambahan tersebut kepada jumlah kos kontrak.

(15 markah)

6. (a) Kontraktor utama tidak menjelaskan bayaran kerja kepada 'sub-contractor' bagi kerja-kerja yang telah siap dilakukan semasa di dalam jangkamasa kontrak. Apakah tindakan anda sebagai Arkitek tentang perkara ini berpandukan 'Agreement and Schedule of Conditions of Building Contract'?

(10 markah)

(b) Kontraktor membuat aduan kepada Akitek bahawa separuh dari bahan-bahan binaan telah hilang dari stor simpanannya. Bahan-bahan binaan ini telah termasuk di dalam sijil kemajuan.

Apakah tindakan anda sebagai Akitek dan siapakah yang akan membayai kerugian?

(15 markah)

-oooo0ooo-

